

## **MAKLUMAT RINGKAS PROGRAM REZEKI TERNAK**

### **1.0 PENGENALAN**

Program ini merupakan cetusan idea oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Seri Salahuddin Bin Ayub semasa perjumpaan bersama penternak di Taman Kekal Pengeluaran Makanan/Ladang Satelit Lubuk Bakul, Muar, Johor pada 4hb Ogos 2019, untuk mewujudkan bantuan ternakan kepada penternak kecil ruminan bagi membantu meningkatkan pendapatan melalui kaedah penjenamaan semula pawah. Program Rezeki Ternak dilaksana menggunakan kaedah geran pepadanan 90:10 bagi ternakan ruminan iaitu geran 90% kerajaan dan 10% daripada penternak.

### **2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN REZEKI TERNAK**

Pemohon harus mengikuti syarat-syarat seperti berikut:

- A. Pemohon mestilah penternak kecil sedia ada yang telah berdaftar dengan E-Permit 2 dan berdaftar dengan Pejabat Perkhidmatan Veterinar di Daerah terdekat. Bagi pemohon di dalam golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40). Mereka adalah di dalam senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH).
- B. Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 55 tahun pada 1 Januari tahun permohonan.
- C. Pemohon mestilah mempunyai pengalaman menternak ternakan ruminan sekurang-kurangnya 1 tahun,
- D. Mempunyai kawasan menternak yang sah dan kemudahan yang sesuai. Mempunyai surat pemilikan / surat kebenaran / surat perjanjian yang berkaitan bagi pembuktian status kawasan penternakan.
- E. Keluasan kawasan menternak yang mencukupi dan mempunyai sumber makanan.
- F. Pemohon berupaya untuk melaksana dan mengurus projek.
- G. Pemohon yang berjaya perlu bersetuju untuk dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sepanjang tempoh pelaksanaan projek.
- H. Ladang penternak kecil mempunyai program kesihatan dengan DVS Negeri dan membuat saringan penyakit (Bruselosis/CLA/lain-lain penyakit) mengikut program kawalan penyakit kebangsaan sebelum permohonan dibuat.
- I. Pemohon yang berjaya layak diberi ternakan maksima 5 ekor lembu induk atau 10 ekor kambing/bebiri dengan maksima nilai ternakan sebanyak RM20,000.

- J. Pemohon yang berjaya perlu menandatangani perjanjian bersama Kerajaan bagi menjalankan projek penternakan di bawah skim ini sekurang-kurangnya 3 tahun.
- K. Pemohon yang berjaya perlu menyediakan 10% daripada jumlah perolehan ternakan.

### **3.0 KAEDAH PEMOHONAN**

Semua borang permohonan perlu dibuat menggunakan borang permohonan yang boleh diperolehi secara percuma daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau di laman web jabatan :<http://www.dvs.gov.my/index.php/announcements/view/38>

Permohonan yang telah diisi hendaklah dihantar kepada:-

**Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri  
(u.p: Bahagian Pembangunan Industri Ternakan)**

**ATAU**

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berhampiran**

Pihak tuan boleh menghubungi Dr. Nurul Ain di no tel: 03-88702406 emel: [nurulain@dvs.gov.my](mailto:nurulain@dvs.gov.my) atau Dr. Zuhairah bt Mohamad Nasir No tel : 03-88702471 emel: [zuhairah@dvs.gov.my](mailto:zuhairah@dvs.gov.my)

**Tarikh Tutup Permohonan Tahun 2020: 31 Mac 2020**